

ANALISIS PENERIMAAN PENGGUNAAN APLIKASI TELEGRAM BAGI MODUL LATIHAN PENYEDIAAN ASAS (SPU 1033) DI KOLEJ KOMUNITI KOTA MARUDU, SABAH

Zulkurnain Bin Hassan,¹
Muhamad Asrul Affendi Bin Mat Nor,²
Norazlina Binti Musa,³

¹ *Kolej komuniti Kota Marudu,,Sabah* ² *Kolej Komuniti Pasir Salak, Perak,* ³ *Kolej komuniti Kota Marudu,,Sabah, Jaya Industrial Centre, 89108 Kota Marudu, Sabah, Malaysia.*

*zulkurnainhassan@gmail.com

ABSTRAK

TELESPU 1 adalah satu group Telegram yang mengandungi semua maklumat pembelajaran bagi modul Latihan Penyediaan Asas (SPU 1033) daripada silibus hinggalah kepada penilaian, dari rujukan hinggalah pautan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penerimaan pelajar Kolej Komuniti Kota Marudu terhadap TELESPU 1 berdasarkan Model Penerimaan Teknologi TAM dalam mempelajari Modul SPU 1033. Ia juga bagi melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah-pembolehubah dalam Model Penerimaan Teknologi TAM dalam mempelajari Modul SPU 1033. Responden adalah terdiri daripada semua pelajar semester 1 yang mengambil modul SPU 1033 (Latihan Penyediaan Asas). Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Data analisis diproses menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences for Windows Version 20.0 (SPSS) dan hasil dapatan kajian dilaporkan dalam bentuk min, sisihan piawaian, peratusan dan Ujian korelasi. Berdasarkan dapatan kajian nilai purata min bagi semua pemboleh ubah berada antara 3.57 (sederhana) hingga 3.82 (tinggi). Ini menunjukkan bahawa kesan penggunaan TELESPU 1 berdasarkan TAM berada pada tahap tinggi dan memuaskan. Dapatan juga menunjukkan pelajar menggunakan TELESPU 1 kerana ia didapati berguna dan mudah digunakan, baik dan dipengaruhi secara positif oleh faktor sikap pelajar terhadap penggunaan TELESPU 1. Keseluruhan kajian mendapati pembelajaran menggunakan aplikasi Telegram untuk modul SPU 1033 adalah berkesan dan dapat meningkatkan pengetahuan dan minat dalam kalangan responden. Dicadangkan penggunaan aplikasi Telegram diperluaskan untuk tujuan pembelajaran bagi modul yang lain.

Kata Kunci : Telegram; Modul SPU 1033; bahan pengajaran; memudahkan pembelajaran; atas talian.

1.0 PENGENALAN

Teknologi ICT yang semakin berkembang bukan sahaja mempengaruhi industri-industri berteknologi tinggi tetapi juga telah mempengaruhi institusi-institusi pendidikan di seluruh dunia dengan mengalihkan pembelajaran secara tradisional kepada pembelajaran secara maya. Banyak institusi pendidikan memberikan tumpuan khusus dan usaha berterusan menggunakan peruntukan kewangan yang besar untuk membangunkan program-program e-pembelajaran

kepada pengguna. Dilihat proses pengajaran semakin bertambah kompleks dalam arus moden ini di mana kaedah pengajaran seperti kaedah *chalk and talk* sudah tidak relevan lagi buat masa kini (Mahasan Mahmood et al., 2003). Justeru, pendidik perlu memberanikan diri untuk berubah daripada pemikiran yang jumud dan perlu berinisiatif untuk mengaplikasikan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif. Pelbagai teori pembelajaran telah berkembang sejak lebih 2500 tahun yang lalu antaranya ialah teori pembelajaran secara mudah alih atau dikenali juga sebagai pembelajaran mudah alih (Bestwick et al., 2010). Teknologi mudah alih telah membuka dimensi pembelajaran kepada pembelajaran mudah alih, iaitu dengan membolehkan pelajar mendapatkan maklumat tentang sesuatu pembelajaran di mana sahaja tempat dan masa (Martin et al., 2013).

Walaupun pensyarah kolej komuniti banyak didedahkan dengan teknologi dalam pendidikan namun masih wujud kemungkinan terdapat masalah dan halangan dalam mengaplikasikannya pada situasi sebenar pembelajaran dan pengajaran. Antara masalah yang timbul adalah penerimaan pensyarah sebagai satu kemudahan terkini pembelajaran. Kegagalan ini berpunca daripada sudut faktor penerimaan teknologi baru (Motaghian, Hassanzadeh & Moghadam et al., 2013) yang didakwa disebabkan guru berhadapan dengan pelbagai pembolehubah yang berinteraksi antara satu sama lain iaitu sama ada mereka memudahkan atau menolak sesuatu teknologi (Teo et al., 2009). Kejayaan atau kegagalan sesuatu sistem terutama e-pembelajaran dipengaruhi kuat oleh peranan guru (Motaghian, et al., 2013) kerana sekiranya mereka memutuskan untuk menggunakan semua atau sebahagian daripada aktiviti pengajaran mereka melalui platform e-pembelajaran maka pelajar tidak mempunyai pilihan selain turut menggunakannya (Motaghian, et al., 2013; Wang & Wang, et al., 2009).

Walaupun banyak penyelidik berfokus kepada penilaian prestasi sebagai hasil penggunaan namun faktor-faktor penerimaan teknologi adalah relevan untuk dikaji dan difahami bagaimana persepsi mungkin menjejaskan prestasi individu (Davis et al., 2012). Walaupun e-pembelajaran mempunyai banyak kelebihan ianya hanya akan berjaya jika guru dan murid menerima teknologi ini untuk dilaksanakan dengan betul.

Di Kolej Komuniti penggunaan teknologi e-pembelajaran semakin di gunakan memandangkan kekangan untuk melaksanakan pembelajaran bersemuka disebabkan pandemik covid 19, justeru itu, kajian bertujuan untuk menganalisis keberkesanan penggunaan e-pembelajaran (Aplikasi Telegram) dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah berdasarkan Model TAM

1.1 Aplikasi Telegram

Telegram merupakan aplikasi sosial yang bukan sahaja popular dan selamat digunakan tetapi juga ia mampu menjana keberkesanan pengurusan pendidikan. Aplikasi ini mampu menjadi medan pertemuan pengguna melalui group dan supergroup yang mana aplikasi ini menampung keperluan pengguna dalam supergroup sehingga 10,000 pengguna. Aplikasi ini juga mempunyai ciri-ciri istimewa yang mampu menggantikan penggunaan email dan tidak terdapat dalam aplikasi WhatsApp. Telegram berupaya menghantar pesanan, berkongsi nota kuliah, berkongsi pendapat, memudahkan komunikasi antara pensyarah dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar. Telegram juga sesuai untuk perkongsian gambar berkaitan tugas dan matapelajaran serta lain-lain.

Aplikasi ini mempunyai keistimewaan tersendiri di mana ia bukan sahaja selamat digunakan, tetapi juga aplikasi ini juga tidak menyebabkan peranti telefon bimbit menjadi berat kerana

semua fail, media disimpan dalam cloud server berbanding aplikasi WhatsApp. Media yang dihantar dalam telegram akan tersimpan sebagai rujukan pada masa hadapan. Yakni, aplikasi ini berfungsi seperti facebook. Satu lagi keistimewaan aplikasi ini ialah pengguna boleh menyimpan mesej atau apa-apa sahaja yang dianggap penting pada “Saved Messages”. Dengan sendirinya, fungsi “Saved Messages” membenarkan kita menghantar fail kepada diri sendiri dan fail berkenaan boleh dibuka pada peranti lain. Malah, pemindahan fail adalah sangat mudah dan cepat berbanding penggunaan email. Pengurusan group yang besar juga sangat mudah, bukan sekadar pengurusan group, aplikasi ini juga mampu digunakan untuk menghantar update dari laman web terus kepada Channel yang dipilih

Sistem TELESPU 1 (Telegram Group Kelas SPU 1) ini dibangunkan adalah bertujuan:

- Menyediakan sistem pembelajaran berpusat bagi modul SPU 1033 yang lebih cekap dan mesra pengguna dalam memudahcara pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar semester 1 Sijil Teknologi Penyjukan dan Penyamanan Udara di Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah.
- Memastikan pengajaran, pembelajaran, penulisan laporan, penghantaran tugas, pemberian markah, rujukan rubric dan penilaian bagi tujuan pemarkahan modul dapat disimpan dan diselenggara dengan lebih efisien, efektif dan sistematik secara atas talian.
- Data laporan dan markah modul SPU 1033 boleh disimpan bagi membolehkan pensyarah dan pihak berkaitan melihat status pengantaran laporan, tugas dan penilaian pelajar dari semasa ke semasa dan di mana sahaja mereka berada.

1.2 Pernyataan Masalah

Secara teknikalnya, semua pelajar yang mengambil Sijil Penyjukan dan Penyamanan Udara salah satu modul wajib adalah Modul Latihan Penyediaan Asas. Latihan Penyediaan Asas ini direkabentuk untuk memperkenalkan pelajar kepada latihan asas untuk melaksanakan pemasangan dan penyelenggaraan dalam bidang penyjukan dan penyamanan udara bagi memenuhi keperluan kerja berdasarkan permintaan industri. Melalui program ini pelajar akan didedahkan dengan teknik asas dalam bidang ini. Kursus ini ditawarkan bagi membina asas kukuh dalam kerja kimpalan (brazing), kerja perpaipan kuprum, kerja pendawaian elektrik dan kerja mengecas yang membolehkan pelajar mempraktikkannya di modul yang melibatkan pemasangan dan penyelenggaraan di bidang yang berkaitan. Hasil dari pemerhatian dan dapatan temuramah ringkas pelajar menyatakan bahawa mereka kurang memahami dan minat dalam pembelajaran disebabkan oleh

- Proses pembelajaran secara bersemuka hanya berfokuskan kepada *student center*. Ini menyebabkan pelajar mudah merasa bosan saat pembelajaran berlangsung,
- Kurangnya pemanfaatan teknologi dalam penyampaian bahan pembelajaran sehingga pelajar yang malu bertanya tidak dapat mengikuti pembelajaran kerana takut bertanya lanjut tentang isi pembelajaran
- Waktu setiap pembelajaran adalah terbatas juga membuat pelajar yang berlainan tahap penguasaan pembelajaran akan ketinggalan
- Kurangnya pengetahuan pensyarah terhadap gaya belajar pelajar, kerana setiap pelajar memiliki gaya pembelajaran yang berbeza, hal ini akan mempengaruhi minat belajar pelajar.
- Penggunaan e-pembelajaran sekarang memerlukan pelajar untuk memiliki smart phone, memerlukan data yang besar, kawasan berlitupan internet yang kuat, memerlukan ruang penyimpanan data dan perlu *log in* setiap kali ingin menggunakan e-pembelajaran

Melalui temuramah ringkas itu maka tercetuslah idea bagi membina satu inovasi e-pembelajaran yang ringkas, mudah akses, tidak memerlukan data internet yang banyak dan ruang penyimpanan bahan yang besar. Untuk menyempurnakan strategi e-pembelajaran diperlukan media komunikasi online agar pelajar boleh mendapatkan maklumat seluas-luasnya. Salah satu media yang mudah digunakan untuk berkomunikasi semasa pembelajaran e-learning adalah aplikasi telegram. Inovasi ini hanya menggunakan aplikasi telegram yang sudah tersedia pada telefon pelajar. Aplikasi Telegram yang sedia ada ditambahbaik dan dijadikan lebih interaktif serta *userfriendly* dengan memuatkan semua maklumat tentang pembelajaran. Ia berkemampuan untuk menarik minat pelajar dan akan membuatkan pelajar tertarik untuk mengikuti pembelajaran. Seseorang yang meminati sesuatu, akan termotivasi untuk melakukan kegiatan tersebut sehingga pelajar yang biasanya pasif berubah menjadi lebih aktif (Hamzah dalam Pradnyawati et al., 2014).

TELESPU 1 adalah satu teknologi yang dibangunkan untuk membantu pelajar-pelajar untuk belajar dengan lebih berkesan. Pelbagai aktiviti dapat dilakukan menggunakan TELESPU 1 seperti memuat turun nota dan tugas daripada pensyarah, membuat tugas secara atas talian, merujuk tugas amali yang perlu disiapkan dan membuat laporan amali secara on-line. Pensyarah juga boleh menggunakan TELESPU1 untuk menyemak tugas, memberi markah amali serta menjalankan pengajaran. Selari dengan transformasi pendidikan yang berlaku dengan begitu pesat pada masa kini terutamanya merujuk kepada budaya pembelajaran secara atas talian, maka kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kesan penggunaan TELESPU1 terhadap pelajar untuk mempelajari Modul SPU 1033 untuk Sijil Penyejukan dan Penyamana Udara di Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah (KKKMS)

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Menenalpasti tahap penerimaan pelajar Kolej Komuniti Kota Marudu terhadap TELESPU 1 berdasarkan Model Penerimaan Teknologi TAM dalam mempelajari Modul SPU 1033.
2. Menenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah-pembolehubah dalam Model Penerimaan Teknologi TAM dalam mempelajari Modul SPU 1033.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan Kajian 1

Bagaimanakah tahap penerimaan pelajar Kolej Komuniti Kota Marudu terhadap TELESPU 1 berdasarkan Model Penerimaan Teknologi TAM dalam mempelajari Modul SPU 1033?

Persoalan Kajian 2

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah-pembolehubah dalam Model Penerimaan Teknologi TAM dalam mempelajari modul SPU 1033?

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis nol 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Tanggapan Mudah Guna (PEOU) dan Tanggapan Kebergunaan (PU) dalam mempelajari modul SPU 1033

Hipotesis nol 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Tanggapan Mudah Guna (PEOU) dan Sikap Terhadap Penggunaan (ATU) dalam mempelajari modul SPU 1033

Hipotesis nol 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Tanggapan Kebergunaan (PU) dan Sikap Terhadap Penggunaan (ATU) dalam mempelajari modul SPU 1033

Hipotesis nol 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Tanggapan Kebergunaan (PU) dan Kecenderungan Tingkah Laku Menggunakan (BI) dalam mempelajari modul SPU 1033

Hipotesis nol 5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Tanggapan Kebergunaan (PU) dan Penggunaan Sistem Sebenar (AU) dalam mempelajari modul SPU 1033

Hipotesis nol 6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Sikap Terhadap Penggunaan (ATU) dan Kecenderungan Tingkah Laku Menggunakan (BI) dalam mempelajari modul SPU 1033

Hipotesis nol 7: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Kecenderungan Tingkah Laku Menggunakan (BI) dan Penggunaan Sistem Sebenar (AU) dalam mempelajari modul SPU 1033

1.6 Skop Kajian

Skop kajian adalah tertumpu kepada pelajar Sijil Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah yang menggunakan TELESPU 1 bagi mempelajari modul SPU 1033 (Latihan Penyediaan Asas)

2.0 KAJIAN LITERATUR

Perkembangan teknologi maklumat ICT akan memungkinkan kegiatan ini dapat dilakukan dengan cepat, tepat dan mudah, dengan demikian, akan menghasilkan produktiviti yang tinggi. Proses pembelajaran yang menggunakan teknologi ICT akan lebih efektif jika disertai dengan teknologi atau alat untuk menyampaikan maklumat yang disebut sebagai media pembelajaran, (Winarto & Hardyanto et al., 2019).

Telegram adalah salah satu jaringan sosial yang paling diminati, memiliki jutaan pengguna dari pelajar sekolah hinggalah ke mahasiswa universiti (Aghajani & Adloo et al., 2018). Di telegram, pelajar dapat membuat profil mereka sendiri, berkomunikasi antara satu sama lainnya dan berkongsi gambar dan video. Ini adalah satu aplikasi yang boleh dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini juga merupakan alat teknologi yang dapat menciptakan pengalaman belajar yang positif untuk kedua belah pihak antara pelajar dan pensyarah. Dengan strategi blended learning berbantuan telegram pelajar boleh mengikuti pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka dan atas talian. Jika pelajar kurang memahami pembelajaran yang diperoleh secara offline, maka pelajar boleh mendapatkannya semula melalui aplikasi telegram. Telegram tidak hanya berfungsi sebagai media untuk mengulang kembali pembelajaran tetapi juga boleh digunakan untuk membuat perbincangan secara atas talian. Untuk meningkatkan hasil belajar pelajar ia dipengaruhi oleh faktor eksterinsik dan intrinsik. Penerapan pembelajaran strategi blended learning berbantuan telegram adalah salah satu faktor ekstrinsik yang dapat meningkatkan hasil belajar pelajar. Sedangkan faktor intrinsik adalah faktor yang berasal dari dalam diri pelajar sendiri

Minat diukur dengan menggunakan teori yang mampu mendeskripsikan tingkat penerimaan dan penggunaan terhadap suatu teknologi. Di dalam kajian ini, teori penerimaan teknologi teknologi baru yang akan digunakan merupakan teori dari Davis (1986) iaitu Teori Model Penerimaan Teknologi (Technology Acceptance Model- TAM). Teori ini melihat kepada aspek kesediaan dalam menerima dan menggunakan teknologi dalam pengajaran. TAM telah diperkenalkan oleh Fred Davis dan Richard Bagozzi dan ia adalah pengembangan dari Theory of Reasoned Action (TRA) yang telah diperkenalkan Azjen dan Fishbein's. (Davis 1989, Bagozzi & Warshaw et al., 1992), Teori ini meyakini bahawa apabila seseorang merasakan sesuatu teknologi adalah berguna serta mudah guna maka ia akan mempengaruhi sikap dan niat seseorang untuk menggunakan teknologi tersebut. Penerimaan ini melibatkan kesemua komponen sistem termasuk teknologi, manusia dan kaedah (Venkatesh, Morris, Davis, & Davis et al., 2003). Model TAM juga menyatakan bahawa apabila diperkenalkan sesuatu teknologi baru akan terdapat faktor-faktor yang memberi kesan kepada keputusan tersebut tentang bila dan bagaimana teknologi itu digunakan

Tahap (TAM) ditentukan oleh 5 Faktor disamping Pembolehubah luaran (external Variable) iaitu: -

Jadual 1: Faktor TAM

Bil	Pembolehubah	Definisi
1	Perceived Usefulness (Tanggapan Kebergunaan)- (PU)	Kepercayaan pengguna bahawa dengan menggunakan teknologi akan meningkatkan prestasi kerja dan seterusnya akan meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja. Tanggapan kebergunaan juga sebagai tahap kepercayaan seseorang bahawa sesuatu/sistem dapat meningkatkan prestasi kerja (Davis et al., 1989)
2	Perceived ease of use (Tanggapan Mudah Guna) - (PEOU)	Kepercayaan pengguna bahawa teknologi/sistem yang mudah untuk digunakan dan bebas dari masalah. Pengguna merasakan teknologi(komputer) mudah dikendalikan dalam melaksanakan tugas-tugas yang diberikan
3	Attitude Toward Using (Sikap Terhadap Penggunaan) - ATU	Sikap Pengguna samaada menerima atau menolak penggunaa sesuatu teknologi dalam melaksanakan kerja. Ia juga berkaitan dengan faktor sikap (attitude) sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi perilaku individu. Ia terdiri daripada unsur kognitif (cognitive), afektif(affective) dan perilaku (behavioral component)
4	Behavioral Intention to Use (Sikap Terhadap Penggunaan) - ATU	Kecenderungan tingkah laku individu terhadap penggunaan sesuatu teknologi.
5	Actual System Usage (Penggunaan Sistem Sebenar) - AU	Penilaian diukur melalui kekerapan dan tempoh masa sesuatu teknologi digunakan. Pengguna suka menggunakan sesuatu teknologi/sistem jika mereka meyakini bahawa sistem itu mudah digunakan serta meningkatkan produktiviti kerja



Rajah 1: Model Penerimaan Teknologi [Technology Acceptance Model - TAM] (Davis et al., 1989)

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian berbentuk *survey* atau tinjauan yang melibatkan seramai 40 orang responden dari program Sijil Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara yang sedang dan pernah mengambil modul SPU 1033 di Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah.

Jadual 2: Item-item Model Penerimaan Teknologi

Faktor	Jumlah Item	Alpha Cronbach's
Tanggapan Mudah Guna (Perceived Ease of Use) - PEU	6	0.749
Tanggapan Kebergunaan (Perceived Usefulness) - PU	6	0.680
Sikap Terhadap Penggunaan (Attitude Toward Using) - ATU	4	0.853
Tingkah Laku Mengguna (IBehavioral Intention to Use) - BIU	4	0.810
Penggunaan Sistem Sebenar (Actual Use) - AU	3	0.753

Jadual 3: Markat Item-item Skala Likert

Aras persetujuan	Skala
Sangat tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Tidak pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

(Sumber: Mohd Majid, 2004)

Analisis data dijalankan dengan menggunakan perisian Statistic Package for the Social Science, SPSS versi 20.0. Analisis deskriptif merangkumi kaedah untuk menyusun, mempersembah dan menerangkan data dengan menggunakan jadual, graf dan nilai ukuran seperti frekuensi, peratusan, min, mod dan median.

Jadual 4: Pemarkatan Skor dan Tahap Faktor Paling Dominan

Tahap	Skor
Rendah	1.00 hingga 2.33
Sederhana	2.34 hingga 3.67
Tinggi	3.68 hingga 5.00

Sumber: Zuraida Abdullah (2010)

Jadual 5: Jadual Klasifikasi Kekuatan Korelasi

Nilai Indeks Korelasi	Interpretasi
0.0 hingga 0.2	Sangat Lemah
0.2 hingga 0.4	Lemah, rendah
0.4 hingga 0.6	Sederhana
0.6 hingga 0.8	Tinggi, Kuat
0.8 hingga 1.0	Sangat Tinggi, Sangat Kuat

(Rowtree, 1981 dalam Mohd Najib, 2003 dan Azizi et.al, 2007)

4.0 HASIL DAN KEPUTUSAN

4.1 Analisa Demografi

Jadual 6: Ciri-ciri Demografi Responden

CIRI-CIRI DEMOGRAFI	FREKUENSI	PERATUS (%)
Umur		
18 – 20 Tahun	38	92.68
21 – 25 tahun	3	7.32
Keturunan		
Dusun	10	24.39
Bajau	4	9.76
Suluk	6	14.63
Sungai	8	19.51
Rungus	6	14.63
Lain-lain	7	17.07

4.2 Analisis Deskriptif Tahap Penerimaan

Persoalan Kajian 1

Bagaimanakah tahap penerimaan pelajar Kolej Komuniti Kota Marudu terhadap TELESPU 1 berdasarkan Model Penerimaan Teknologi TAM dalam mempelajari Modul SPU 1033?

Analisis deskriptif dilakukan bagi memberikan gambaran yang lebih terperinci tentang tahap penerimaan secara keseluruhan berdasarkan Model TAM. Dapatan menunjukkan nilai min penerimaan pelajar adalah 3.72 dengan sisihan piawai sebanyak 0.417. Hasil analisis mendapati empat faktor menunjukkan nilai min pada tahap tinggi sementara tiga faktor menunjukkan min pada tahap sederhana seperti jadual 7 di bawah

Jadual 7: Tahap Penerimaan Pelajar Berdasarkan Model TAM

Penerimaan	Tahap	Tahap	Tahap	Min	Sisihan	Ukuran
------------	-------	-------	-------	-----	---------	--------

	Rendah (1.00- 2.33)	Sederhana (2.34 – 3.66)	Tinggi (3.67 – 5.00)		Piawai	Tahap
1. Persepsi Mudah Guna (Perceived Ease of Use) - PEOU		15 (36.6%)	26(63.4%)	3.82	0.522	Tinggi
2. Penggunaan Sistem Sebenar (Actual Use) - AU		22(53.7%)	19(46.3%)	3.78	0.604	Tinggi
3. Sikap Terhadap Penggunaan (Attitude Toward Using) - ATU	1(2.4%)	16(39%)	24(58.5%)	3.75	0.689	Tinggi
4. Kecenderungan Tingkah Laku Mengguna(Intention to Use) - BI		20(48.8%)	21(51.3%)	3.66	0.555	Sederhana
5. Persepsi Faedah Penggunaan (Perceived Usefulness) - PU	1(2.4%)	2(4.8%)	38(92.6%)	3.57	0.528	Sederhana
Purata				3.72	0.417	Tinggi

4.3 Analisis Infrensi Hubungan Antara Pembolehubah TAM

Persoalan Kajian 2

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah-pembolehubah dalam Model Penerimaan Teknologi TAM dalam mempelajari modul SPU 1033?

Bagi tujuan melihat hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang tertentu dalam kajian ini, satu hipotesis dibentuk. Untuk mengetahui sama ada hipotesis tersebut diterima atau ditolak, kaedah analisis korelasi Pearson digunakan bagi mencapai tujuan tersebut. Paras signifikan yang digunakan ialah $\alpha = 0.05$

Jadual 8: Analisis hubungan korelasi antara faktor-faktor

No	Faktor	Signifikan	Pearson,r	Keputusan	Hipotesis
1	(PEOU) Tanggapan Mudah Guna	0.001	0.484	Ada korelasi Sederhana	Ditolak
	(PU) Tanggapan Kebergunaan				
2	(PEOU) Tanggapan Mudah Guna	0.0001	0.535	Ada korelasi Sederhana	Ditolak
	(ATU) Sikap Terhadap Penggunaan				
3	(PU) Tanggapan Kebergunaan	0.003	0.446	Ada Korelasi Sederhana	Ditolak
	(ATU) Sikap Terhadap Penggunaan				
4	(PU) Tanggapan Kebergunaan	0.031	0.337	Tiada Korelasi	Diterima
	(BI) Kecenderungan Tingkah Laku Mengguna				
5	(PU) Tanggapan Kebergunaan	0.142	0.233	Tiada Korelasi	Diterima
	(AU) Penggunaan Sistem Sebenar				
6	(ATU) Sikap Terhadap Penggunaan	0.0001	0.600	Ada	Ditolak

	(BI) Kecenderungan Tingkah Laku Mengguna			Korelasi Tinggi, kuat	
7	(BI) Kecenderungan Tingkah Laku Mengguna	0.083	0.274	Tiada korelasi	Diterima
	(AU) Penggunaan Sistem Sebenar				

Jadual 8 menunjukkan keputusan analisa hubungan korelasi antara faktor-faktor dalam Model TAM. Daripada analisis ujian-t yang dibuat, didapati:-

Hipotesis nol 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Tanggapan Mudah Guna (PEOU) dan Tanggapan Kebergunaan (PU) dalam mempelajari modul SPU 1033

Keputusan: Ada Korelasi

Tahap: Sederhana

Hipotesis: Ditolak

Hipotesis nol 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Tanggapan Mudah Guna (PEOU) dan Sikap Terhadap Penggunaan (ATU) dalam mempelajari modul SPU 1033

Keputusan: Ada Korelasi

Tahap: Sederhana

Hipotesis: Ditolak

Hipotesis nol 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Tanggapan Kebergunaan (PU) dan Sikap Terhadap Penggunaan (ATU) dalam mempelajari modul SPU 1033

Keputusan: Ada Korelasi

Tahap: Sederhana

Hipotesis: Ditolak

Hipotesis nol 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Tanggapan Kebergunaan (PU) dan Kecenderungan Tingkah Laku Mengguna (BI) dalam mempelajari modul SPU 1033

Keputusan: Tiada Korelasi

Hipotesis: Diterima

Hipotesis nol 5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Tanggapan Kebergunaan (PU) dan Penggunaan Sistem Sebenar (AU) dalam mempelajari modul SPU 1033

Keputusan: Tiada Korelasi

Hipotesis: Diterima

Hipotesis nol 6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Sikap Terhadap Penggunaan (ATU) dan Kecenderungan Tingkah Laku Mengguna (BI) dalam mempelajari modul SPU 1033

Keputusan: Ada Korelasi

Tahap: Tinggi, Kuat

Hipotesis: Ditolak

Hipotesis nol 7: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Kecenderungan Tingkah Laku Mengguna (BI) dan Penggunaan Sistem Sebenar (AU) dalam mempelajari modul SPU 1033

Keputusan: Tiada Korelasi

Hipotesis: Diterima

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Perbincangan

5.1.1 Analisis Deskriptif Demografi

Hasil kajian menunjukkan bahawa keseluruhan responden adalah seramai 41 orang dan seramai 38 responden (92.68%) berumur antara 18-20 tahun. Hanya 3 responden (7.32%) berumur lebih dari 20 tahun. Dari segi keturunan didapati responden 35% adalah dari kaum Dusun selebihnya dari kaum Bajau (5%), Suluk (20%), Sungai (20%), Rungus (15%) dan lain-lain (5%)

5.1.2 Analisis Deskriptif Faktor Penerimaan

Berdasarkan analisis deskriptif penerimaan TELESPU 1, faktor penerimaan tertinggi adalah faktor persepsi mudah guna dengan min 3.82 diikuti oleh faktor penggunaan sistem sebenar yang mencatatkan nilai min 3.768. Faktor ketiga adalah sikap terhadap penggunaan (3.75), kecenderungan tingkah laku mengguna (3.66) sementara faktor terendah adalah tanggapan kebergunaan (3.57). Secara keseluruhan faktor penerimaan adalah berada pada tahap tinggi dengan min purata 3.72.

5.1.3 Analisis Infrensi Hubungan Antara Faktor

Dari analisa didapati hitotesis nol 01, 02, 03 dan 06 mempunyai hubungan antara pembolehubah dengan nilai korelasi antara 0.337 (lemah/rendah) hingga 0.600 (tinggi/kuat) dimana:-

- Pelajar menggunakan TELESPU 1 kerana ia didapati berguna dan mudah digunakan
- Pelajar menerima TELESPU 1 dengan baik kerana ia mudah digunakan
- Tanggapan kebergunaan pelajar terhadap TELESPU 1 dipengaruhi secara positif oleh faktor sikap pelajar terhadap penggunaan TELESPU 1
- Sikap pelajar terhadap penggunaan TELESPU 1 dipengaruhi oleh kecenderungan tingkah laku mengguna dalam mempelajari modul SPU 1033
- Dari analisa didapati faktor tanggapan kebergunaan tidak dipengaruhi oleh kecenderungan tingkah laku pengguna dalam menggunakan TELESPU 1
- Juga tiada hubungan antara tanggapan kebergunaan dengan penggunaan TELESPU 1 yang sebenar
- Begitu juga kecederungan tingkah laku mengguna tidak dipengaruhi oleh penggunaan sistem sebenar

Walaupun rata-rata pelajar sudah lama menggunakan Aplikasi Telegram namun kebanyakan mereka menggunakannya bukan bertujuan untuk pembelajaran. Keadaan ini menunjukkan bahawa mereka masih belum mengenal potensi yang terdapat pada Aplikasi Telegram dalam konteks pendidikan. Dari segi kemudahan peralatan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran menggunakan TELESPU 1 lebih mudah dan ini telah disokong oleh Wood (2003) yang menyatakan bahawa pembelajaran secara mudah alih lebih mudah disebabkan penggunaan peranti yang lebih ringan berbanding buku-buku pembelajaran dalam mencari sesuatu maklumat berbanding perlu membawa maklumat secara fizikal.

Penggunaan TELESPU 1 ini fleksibel dan tidak kaku. Dari aspek kebolehlaksanaan terhadap minat juga didapati bahawa pelajar sangat meminati kaedah pembelajaran menggunakan TELESPU 1 ini. Hasil kajian mendapati ianya sesuai dengan dapatan Latif et al. (2012) iaitu penggunaan m-pembelajaran dapat memberikan kesan yang positif terhadap minat pelajar dalam melakukan sesuatu perkara namun ianya bergantung kepada manfaat dan kepuasan terhadap alat itu sendiri.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa teknologi yang memudahkan dapat mempengaruhi minat pelajar untuk mempelajari sesuatu pembelajaran. Dapatan kajian ini mungkin disebabkan oleh penglibatan Generasi Y sebagai sampel kajian. Ini kerana Generasi Y lebih terdedah ke arah penggunaan teknologi terkini. Lambakan teknologi dalam pasaran pada masa kini juga mempengaruhi kemudahan dan minat terhadap pembelajaran berasaskan teknologi disebabkan oleh mudahnya bagi mendapatkan alat-alat yang menyokong pelaksanaan teknologi itu sendiri. Ditambah pula dengan harganya yang mampu dimiliki oleh kebanyakan penduduk di Malaysia.

5.2 Kesimpulan

Hasil analisa kajian ini menggambarkan kesediaan pelajar dalam penggunaan teknologi TELESPU 1 untuk pembelajaran modul SPU 1033. Kesediaan pelajar memainkan peranan penting dalam menentukan kebolehlaksanaan penggunaan TELESPU 1 dalam mempelajari modul SPU 1033. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan kesediaan dan sikap pelajar boleh diubah sekiranya mereka diberikan pendedahan dan maklumat yang secukupnya berkaitan teknologi dalam pengajaran bagi memastikan mereka lebih kompeten untuk perkara tersebut. Oleh yang demikian, kesediaan ini perlulah disokong dengan penambahbaikan dari segi isi kandungan yang terdapat dalam aplikasi TELESPU 1 bagi memastikan hanya bahan-bahan pengajaran terkini dan berkaitan dan disokong oleh teknologi terkini sahaja dimuatkan dalam TELESPU 1. Sesungguhnya minat untuk mempelajari sesuatu bidang dapat ditambah sekiranya menggunakan medium yang mudah dan bersesuaian. Sebenarnya masih terdapat banyak lagi ruang yang boleh diterokai. Kajian yang dijalankan ini hanya berkisar tentang kebolehlaksanaan penggunaan TELESPU 1 modul SPU 1033. Dicapadangkan pada kajian yang akan datang:-

- a) Kajian mengenai penggunaan teknologi pembelajaran aplikasi mudah alih melibatkan kajian perbandingan misalnya antara golongan muda, tua dan kanak-kanak.
- b) Kajian ini boleh diperkembangkan lagi kepada modul-modul lain yang dirasakan sesuai dipelajari menggunakan kaedah aplikasi Telegram.

6.0 RUJUKAN

Ally, M. (Ed.). (2009). *Mobile learning: Transforming the delivery of education and training*. Athabasca University Press.

Bestwick, A., & Campbell, J. R. (2010). Mobile learning for all. *Exceptional Parent*, 40(9), 18-20.

Davis F. D., (1989), Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use and Acceptance of Information Technology, *MIS Quarterly*, Vol. 13, No. 3, p. 319.

- Davis, F. D. (1993). User acceptance of information technology: System characteristics, user perceptions and behavioral impacts. *International Journal of Man-machine Studies*, 38(3), 475-487.
- Hardyanto, W. & Sugiyanto. Penyusunan CD Paket Pembelajaran Mandiri Berorientasi pada Real Wordl berbasis Web dan Macromedia Flash MX untuk meningkatkan Pemahaman Konsep Fisika Bagi Mahasiswa Fisika FPMIPA Unnes. Prosiding Seminar Nasional Penelitian, Pendidikan & Penerapan MIPA, F419-F425.
- Kopf, S., Scheele, N., Winschel, L., & Effelsberg, W. (2005). Improving activity and motivation of students with innovative teaching and learning technologies. *Methods and Technologies for Learning*, 551-556
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities, *Educational and Physiological Measurement*. 30, 607-610
- Mahasan Mahmood (2003), *Kaedah Nemonik Dalam P&P Matematik*. SMK Yaacob Latif Jalan Peel Kuala Lumpur
- Motaghian, H., Hassanzadeh, A., & Moghadam, D. K. (2013). Factors affecting university instructors' adoption of web-based learning systems: Case study of Iran. *Computers & Education*, 61, 158–167. <http://doi.org/10.1016/j.compedu.2012.09.016>
- Narang, S., Jain, V., & Roy, S. (2012). Effect of QR codes on consumer attitudes. *International Journal of Mobile Marketing*, 7(2), 52-64.
- Rose, Janelle, & Fogarty, G. (2006). Determinants of perceived usefulness and perceived ease of use in The Technology Acceptance Model: Senior consumers adoption of self-serving banking technologies. *Academy of World Business, Marketing & Management Development Conference Proceedings*, 2(10), pp. 122-129.
- Rouillard, J. (2008, July). Contextual QR codes. In *The Third International Multi-Conference on Computing in the Global Information Technology, 2008. ICCGI'08* (pp. 50-55). Athens, Greece: IEEE.
- Syed Ardi Syed Yahya Kamal, & Zaidatun Tasir. (2010). Pembelajaran masa depan- mobile learning (m-learning) di Malaysia In *Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah* (pp. 25-27).

Venkatesh. V., Morris. M. G., (2003), User Acceptance of Information Technology: Toward
A Inefied Views,
MIS Quarterly, Vol. 27., No. 3, p. 425-478